

# **SYARAT-SYARAT PEMATUHAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN**

AKTIVITI PERNIAGAAN: AKTIVITI PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN

## **1. Peraturan Am**

- Lesen berkuatkuasa dari tarikh pembayaran lesen sehingga tarikh tamat lesen yang tercatat pada lesen perniagaan.
- Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan selain daripada yang dilesenkan.
- Lesen hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis perniagaan.
- Lesen tidak boleh dipindahmilik melainkan dengan kebenaran bertulis Majlis.
- Tidak dibenarkan menjadikan premis perniagaan sebagai penginapan persendirian.
- Pihak Berkuasa Melesen boleh memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau percaya dengan munasabah premis digunakan bagi maksud tred, perniagaan dan perindustrian.
- TIDAK menjalankan aktiviti-aktiviti yang menyalahi dan bertentangan dengan apa jua undang-undang yang dikuatkuasa. TINDAKAN PENGUATKUASAAN akan diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan.
- Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk meletakkan barang niaga atau apa-apa halangan di luar kawasan premis, kaki lima premis, pepulau, tempat letak kereta, lorong belakang atau mana-mana kawasan yang dikategorikan sebagai tempat awam tanpa kebenaran Majlis.
- Tidak dibenarkan memasang khemah di luar premis tanpa kebenaran Majlis.

## **2. Syarat-syarat Khas Lesen Pusat Penjagaan Kesihatan**

- Pintu masuk pusat penjagaan kesihatan hendaklah dilitupi cermin telus bagi keseluruhan daripada permukaannya dan pintu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
- Setiap pekerja hendaklah berpakaian sopan dan kemas tanpa menjolok mata.
- Semua pekerja yang memberi rawatan bagi urutan perlu menjalani pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan.
- Pencahayaan dalaman hendaklah sentiasa terang.
  - Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan terdapatnya pencahayaan yang cukup di premis dan sekiranya pencahayaan asli tidak mencukupi, langkah-langkah hendaklah diambil untuk mengadakan pencahayaan tambahan.
- Pengudaraan (*ventilation*);
  - Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk memastikan terdapatnya ganti udara yang cukup.
- Pekerja asing hendaklah mempunyai permit dari Jabatan Imigresen.
- Dilarang memamer gambar lucu di dalam premis atau sekitarnya.
- Aktiviti pelacuran adalah dilarang sama sekali.
- Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang menyebabkan kacauanggu semasa menjalankan perniagaan.
- Mempamerkan papan tanda pada setiap masa ditempat yang mudah dilihat di luar premis pusat penjagaan kesihatan.
- Pihak Berkuasa Melesen boleh memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau percaya dengan munasabah premis digunakan bagi maksud pusat penjagaan kesihatan.

**SYARAT-SYARAT PEMATUHAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN**  
**AKTIVITI PERNIAGAAN: PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN**

---

**3. Larangan-larangan Bagi Pusat Penjagaan Kesihatan**

Tiada seorang pemegang lesen boleh :

- Mbenarkan mana-mana orang yang diketahuinya atau disyakinya dengan munasabah menghidap sesuatu penyakit berjangkit atau penyakit boleh merebak memasuki pusat penjagaan kesihatan;
- Mengambil bekerja di pusat penjagaan kesihatan mana-mana orang yang diketahuinya dan dipercayainya dengan munasabah menghidap suatu penyakit berjangkit boleh merebak;
- Mbenarkan mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai mempunyai watak yang jahat berada di dalam pusat penjagaan kesihatan;
- Mengambil bekerja di pusat penjagaan kesihatannya mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai ialah seorang pelacur atau seorang yang berkelakuan buruk;
- Mengambil bekerja di pusat penjagaan kesihatannya mana-mana orang di bawah umur lapan belas (18) tahun;
- Mengambil bekerja tukang urut, di premis penjagaan kesihatan mana-mana orang di bawah umur dua puluh satu (21) tahun;
- Mbenarkan apa-apa perjudian, salah guna dadah, pelacuran atau apa-apa bentuk perbuatan yang menyebabkan kacauganggu, gangguan kecederaan atau bising kepada penduduk di kawasan persekitaran pusat penjagaan kesihatan;
- Mbenarkan apa-apa makanan atau minuman memabukkan dihidangkan atau digunakan di pusat penjagaan kesihatan;
- Menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar dan artikel yang kurang sopan di pusat penjagaan kesihatan.
- Mbenarkan mana-mana binatang yang akan menyebabkan kacauganggu atau bising atau gangguan memasuki atau berada di pusat penjagaan kesihatan;
- Mengadakan apa-apa hiburan di pusat penjagaan kesihatan;
- Mengunci pintu masuk ke pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan sewaktu perniagaan dijalankan; atau
- Mbenarkan rawatan dan urutan dilakukan di tempat selain daripada pusat penjagaan kesihatan yang dilesenkan.

**4. Cagaran dan Pembatalan Lesen Pusat Penjagaan Kesihatan**

- Setiap lesen dikenakan bayaran wang cagaran. Wang cagaran tersebut adalah sebagai jaminan kepada pemegang lesen supaya pada setiap masa mematuhi peraturan dan syarat-syarat pemberian lesen yang ditetapkan.
- Wang cagaran tersebut akan dirampas (*forfeited*) apabila pemegang lesen melanggar syarat-syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan-peruntukan enakmen atau mana-mana peraturan yang telah ditetapkan.
- Sesuatu lesen boleh dibatalkan oleh Pegawai Pelesen pada bila-bila masa melalui suatu notis bertulis jika pemegang lesen didapati melakukan pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan dan/atau pelanggaran peruntukan undang-undang atau mana-mana peraturan.

**SYARAT-SYARAT PEMATUHAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN**  
**AKTIVITI PERNIAGAAN: PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN**

---

**5. Pengambilan Pembantu Warga Asing**

- Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menggaji dan/ atau mengambil pembantu/ pekerja warga asing yang tidak mempunyai pas yang sah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959/ 63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963).
- Pemegang lesen dilarang untuk sublet lesen perniagaan yang diluluskan kepada mana-mana warga asing.

**6. Keperluan Teknikal dan Kemudahan Sanitari**

- Premis hendaklah mempunyai bekalan air paip yang disambungkan ke sesalur air dari bekalan air awam.
- Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat pencahayaan yang mencukupi di dalam premis perniagaan.
- Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat pengudaraan yang cukup di dalam premis perniagaan.
- Semua buangan cecair kotor atau lain-lain benda yang mengganggu atau benda kotor hendaklah disalurkan ke sistem saluran kumbahan premis.
- Tidak dibenarkan membuat apa-apa sambungan binaan di luar dari premis asal atau binaan yang menutup longkang tanpa kebenaran Majlis.
- Sekiranya terdapat pengubahsuaian yang melibatkan binaan ruang atau bilik atau pecahan dinding atau binaan penutup longkang atau binaan *awning* hendaklah mendapat kelulusan daripada Majlis terlebih dahulu.
- Menutup keseluruhan longkang adalah tidak dibenarkan.
- Binaan '*ramp*' adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, pemilik premis perlu mendapatkan kelulusan termasuk penyewaan petak khas tempat letak kereta dan tertakluk kepada syarat-syarat serta peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis.
- Iklan *pylon*, *skysign*, iklan fasad dan lain-lain jenis iklan luaran perlu mendapatkan kelulusan Majlis.
- Tidak dibenarkan mengadakan sebarang sistem saluran secara terus ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam di hadapan, belakang atau di sebelah premis.
- Hendaklah menyelenggara dan memastikan tandas serta sinki sentiasa berada dalam keadaan bersih dan sempurna pada sepanjang masa.

**8. Kesihatan dan Keselamatan**

- Memastikan tidak berlaku kesesakan di dalam premis.
- Memastikan alat kelengkapan mencegah kebakaran dipasang dengan cukup, tangga dan jalan keluar diselenggara dengan baik.
- Menyediakan alat pemadam api mengikut spesifikasi dan kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
- Memastikan semua kehendak keselamatan kebakaran yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dipatuhi sepenuhnya.
- Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang akan menjadi kacauganggu semasa menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan.
- Menyediakan peti pertolongan cemas di setiap premis.
- Memastikan kawasan premis bebas daripada tempat pembiakan nyamuk dan serangga pembawa penyakit.

**SYARAT-SYARAT PEMATUHAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN**  
**AKTIVITI PERNIAGAAN: PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN**

---

**9. Kebersihan**

- Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan atau membenarkan apa-apa bahan dilonggokkan, ditumpahkan atau diselerakkan ke dalam longkang atau lain-lain tempat awam atau persendirian.
- Kebersihan premis dan kawasan sekeliling hendaklah sentiasa dijaga dan tidak memberi kacauganggu kepada masyarakat setempat.
- Menjaga dan memastikan sistem perparitan dan saliran berfungsi dengan sempurna.

**10. Pengurusan sisa**

- Pemilik premis hendaklah menyediakan tong sampah MGB yang mencukupi, sempurna dan seragam bersaiz 240 liter, bertutup dan beroda. Bagi premis yang mempunyai kebuk sampah, tong sampah perlu mengikut saiz kebuk sampah tersebut.

**11. Iklan**

- Hanya iklan yang dilesenkan sahaja boleh dipamerkan di premis yang berlesen.
- Iklan hendaklah mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di laman sesawang [www.dbpsahbahasa.my](http://www.dbpsahbahasa.my).
- Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan bagi semua iklan samada ianya sahaja atau bersama dengan apa-apa bahasa lain, UUK 3(1) Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Klang) 2007.
- Jika Bahasa Kebangsaan digunakan bersama dengan bahasa lain dalam sesuatu iklan, perkataan dalam Bahasa Kebangsaan hendaklah berukuran tiga puluh peratus lebih besar daripada bahasa lain, diutamakan dari segi kedudukan dan digunakan dengan nahu yang betul, UUK 3(2) Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Klang) 2007.
- Sebarang perubahan terhadap visual perlu mendapat kelulusan daripada Majlis.
- Sebarang aktiviti dan peralatan/ bahan promosi (promosi, kain rentang, belon, mesin angin dan lain-lain bentuk peralatan promosi) perlu mendapat kelulusan dan permit promosi daripada Majlis.

**SYARAT-SYARAT PEMATUHAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN**  
**AKTIVITI PERNIAGAAN: PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN**

---

**12. Perlanggaran Syarat**

- Sekiranya syarat-syarat di atas dan syarat-syarat semasa yang ditetapkan oleh pihak Majlis tidak dipatuhi, maka tindakan penguatkuasaan boleh diambil mengikut undang-undang berikut :
  - Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
  - Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
  - Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).
  - Undang-Undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Klang) 2007.
  - Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Klang) 2007.
  - Undang-Undang Kecil Pusat Sukan Persendirian (Majlis Perbandaran Klang) 2013.
  - Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Perbandaran Klang) 2013.
  - Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Perbandaran Klang) 2007.
  - Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Klang) 2007.
  - Enakmen Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan 1995.
  - Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Klang) 2005.
  - Undang-Undang Kecil Pusat Siber Dan Kafe Siber (Majlis Perbandaran Klang) 2007.
  - Undang-Undang Kecil Kolam Renang (Majlis Perbandaran Klang) 2007.
  - Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Klang) 2007.

Tindakan juga boleh dikenakan kepada pemegang lesen mengikut undang-undang lain yang diperuntukkan selain dari yang dinyatakan di dalam syarat-syarat pematuhan lesen perniagaan dan iklan ini.

